

# Tiga faktor BN kalah di Terengganu

UM - 2 DEC 1999

**K**UALA TERENGGANU 1 Dis. — Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu hari ini menggariskan tiga faktor utama yang menjadi punca kekalahan mengejut Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-10. Isnin lepas.

Ketuanya, Abdul Rahin Mohd. Said berkata tiga faktor itu ialah:

- Mengekalkan kepemimpinan yang lama;
- Pengundi luar dan
- Logistik parti.

Beliau berkata perkara itu diputuskan pada mesyuarat perhu-

bungan Pemuda UMNO negeri di sini, petang ini, yang dihadiri oleh semua ketua Pemuda bahagian kecuali Dr. Ramli Taib (Kemaman) dan Zainuddin Abu Bakar (Hulu Terengganu).

"Resolusi Pemuda mengenai faktor itu akan dihantar kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad), timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan pemangku Ketua Pemuda UMNO Malaysia (Datuk Hishammuddin Tun Hussein) malam ini juga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu petang ini.

Beliau berkata resolusi itu diputuskan hasil maklum balas daripada anggota parti di peringkat bawah.

Abdul Rahin berkata ketiga-tiga sebab itu telah mewujudkan undi protes di kalangan anggota parti dan pengundi pada pilihan raya umum itu.

Ketika ditanya sama ada kedudukan bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang terlalu lama menerajui kerajaan negeri, beliau berkata perkara itu juga

adalah sebahagian daripada apa yang telah dibangkitkan.

"Kita tak nafi langkah mengekalkan pemimpin lama sebagai calon merupakan punca kekalahan, tetapi pada masa yang sama kita juga perlu menerima pemimpin lama," katanya tanpa mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Ketika ditanya apakah Pemuda UMNO negeri akan membuat desakan supaya Wan Mokhtar mengundur diri daripada memimpin UMNO negeri, Abdul Rahin berkata perkara itu terpujang kepada pucuk pimpinan parti.